



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PECAH TANAH PROJEK SAMBUNGAN
LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE 2)**

12 NOVEMBER 2025

**PLAZA TOL PANTAI DALAM
LEBUHRAYA BARU PANTAI**

<<< Saluti akan dikemas kini sehingga hari berkenaan >>>

1) Yang Berbahagia Dato' Seri Azman bin Ibrahim

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

2) Yang Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad

Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia

3) Yang Berbahagia Dato' Mohd Sakeri bin Abdul Kadir

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

Kementerian Kerja Raya

4) Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj. Sazali Harun

Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia

5) Yang Berbahagia Dato' Lee Chun Fai

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Urusan

IJM Corporation Berhad

6) Yang Berusaha Ts. Hajah Wan Salwani bin Yusoff

Ketua Pegawai Eksekutif Divisyen Tol IJM

7) Rakan-rakan media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas jemputan untuk bersama-sama dalam Majlis Pecah Tanah Projek Sambungan Lebuhraya Baru Pantai (NPE 2) – satu detik bermakna dalam usaha memperkukuh jaringan infrastruktur negara.
2. Projek NPE 2 ini melambangkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam membangunkan sistem lebuhraya yang bukan sahaja mengurangkan kesesakan, tetapi juga memperkasa kesejahteraan rakyat dengan perjalanan lebih selamat, cepat dan efisien.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PROJEK BERIMPAK TINGGI DAN MAPAN

3. Projek NPE 2 sepanjang **6.4 kilometer** ini, dari **Plaza Tol Pantai Dalam ke Jalan Istana**, direka bentuk bagi menyuraikan kesesakan di koridor **Pantai Dalam–Bangsar–Mahameru**, di mana tahap kesesakan kini amat tinggi. Apabila siap kelak, pengguna dijangka menjimatkan sehingga **25 minit masa perjalanan** dari Bangsar/Mid Valley ke Subang Jaya dengan peningkatan tahap perkhidmatan jalan.

4. Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada **Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040**, yang menyasarkan penyuraian trafik secara mampan dan hubungan terus antara lebuhraya tanpa melalui pusat bandar.

KELULUSAN DAN TADBIR URUS

5. Projek ini juga telah melalui proses kelulusan menyeluruh – bermula dengan kelulusan prinsip oleh **Jemaah Menteri pada 1 Jun 2022**, kelulusan penuh pada **22 Mei 2025**, dan **pemeteraian Perjanjian Konsesi Tambahan (SCA) pada 22 Ogos 2025**.
6. Ia melibatkan pelbagai agensi seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Peguam Negara (AGC), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), Perbadanan Aset Keretapi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Warisan Negara, serta Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain agensi di peringkat persekutuan dan negeri dengan menzahirkan semangat tadbir urus MADANI yang telus dan inklusif.

Hadirin sekalian,

MANFAAT EKONOMI DAN SOSIAL

7. Kos pembangunan projek NPE 2 ini bernilai **RM1.7 bilion** dibiayai sepenuhnya oleh **New Pantai Expressway Sdn. Bhd.**, tanpa beban kewangan kepada Kerajaan. Ini merupakan contoh terbaik **kerjasama Awam–Swasta (PPP)** dalam pembangunan infrastruktur mampan.
8. Selain itu, projek ini dijangka merencakkan pertumbuhan ekonomi setempat di kawasan **Pantai Dalam, Bangsar dan Lembah Pantai**, serta membuka peluang baharu dalam sektor perumahan, komersial dan perkhidmatan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati,

9. Saya yakin projek NPE 2 akan menjadi satu lagi mercu tanda dalam usaha memperkukuh sistem infrastruktur negara. Kementerian Kerja Raya bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia akan terus komited memastikan pembangunan infrastruktur yang **berdaya tahan, berimpak rakyat dan berteraskan nilai MADANI.**

10. Dengan penuh rasa sukacita, saya dengan ini merasmikan **Majlis Pecah Tanah Projek Sambungan Lebuhraya Baru Pantai (NPE 2)**.

Sekian, terima kasih.